

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •  
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT

Rujukan : UKM.PPI.100-1/3/2  
Tarikh : 3 September 2020

**PEKELILING CRIM BIL. 11/2020**

**DEKAN/PENGARAH  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN GARIS PANDUAN BAHARU PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA)**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil. 6/2020 pada 17 Ogos 2020 telah bersetuju membuat penambahbaikan terhadap Garis Panduan Pembantu Penyelidik SiswaZah (GRA) dengan membenarkan pelantikan GRA dalam kalangan pelajar Sarjana bukan warganegara di samping pelantikan dalam kalangan pelajar pengajian Doktor Falsafah sebagaimana garis panduan sedia ada. Ratio pelantikan antara pelajar warganegara dan bukan warganegara adalah berdasarkan penetapan yang telah ditetapkan oleh pihak Pengurusan CRIM.

3. Sebagai makluman kepada pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Tuan/Puan, pindaan ini adalah selari dengan peraturan pelantikan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan peraturan lain yang berkaitan di peringkat UKM. Garis panduan baharu ini berkuatkuasa pada **1 Oktober 2020**. Bersama-sama ini disampaikan Garis Panduan berkaitan untuk makluman dan rujukan pihak PTJ. Dokumen garis panduan baharu ini juga boleh dimuat turun melalui laman sesawang CRIM, <http://research.ukm.my/muat-turun/>.

3. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua penyelidik di bawah pengawasan dan penyeliaan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pegawai kami, Encik Mohd Asraf Bin Mohd Farid di talian 03-89214455.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF. DR. ISMANIZAN BIN ISMAIL**

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKA DAN INSTRUMENTASI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: http://research.ukm.my



- s.k. - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bendahari  
Jabatan Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ketua  
Unit Kewangan Penyelidikan CRIM  
Universiti Kebangsaan Malaysia



#### PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3095 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>





UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
*The National University of Malaysia*

# **GARIS PANDUAN SKIM PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA) UKM-SPKP-CRIM-PK04-GP03**

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
02	01	01/10/2020

## 1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) adalah dari kalangan pelajar UKM di peringkat pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah yang menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Pelantikan ini bertujuan membantu penyelidik untuk terus giat meneruskan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan dalam masa yang sama, pelantikan ini juga dapat membantu pelajar membiayai sebahagian daripada kos pengajian. Garis panduan ini telah dipinda dan ditambahbaik pada Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil. 6/2020.

## 2.0 PEMBIAYAAN DANA UNIVERSITI PENYELIDIKAH (UP)

### 2.1 Syarat-syarat kelayakan permohonan

- a) Pelajar siswazah yang berdaftar di UKM secara sepenuh masa dan menjalankan penyelidikan (tesis sahaja) atau kerja kursus dan tesis (sekurang-kurangnya 70% komponen penyelidikan). Keperluan ini adalah selaras dengan hasrat KPM dan memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Glosari MyRA II;
- b) Pelajar yang mengikuti Pengajian Siswazah di UKM dikehendaki menghasilkan penerbitan iaitu jurnal berindeks WoS/SCOPUS/ERA mengikut kesesuaian di Fakulti/Institut masing-masing (berkuatkuasa mulai semester I sesi 2014-2015);
- c) Pelajar Sarjana yang berada dalam tempoh pengajian tidak melebihi lima (5) semester pengajiannya;
- d) Pelajar Doktor Falsafah yang berada dalam tempoh pengajian tidak melebihi tujuh (7) semester pengajiannya;
- e) Pelajar yang tidak menerima sebarang bantuan/biasiswa daripada mana-mana penaja (kecuali MyMaster, MyPhd P1 dan PTPTN). Pelajar yang mempunyai tajaan/biasiswa boleh dilantik dengan syarat tidak menerima sebarang elaun bulanan;
- f) Pelajar tidak layak menerima sebarang ganjaran/lain-lain bayaran kecuali dibenarkan oleh Universiti;
- g) Pelajar yang mempunyai rekod penerbitan dalam tempoh pengajiannya;

- h) Penyelia pelajar adalah ahli geran yang membiaya pelantikan;
- i) Penyelia mempunyai geran penyelidikan untuk membiaya pelantikan GRA;
- j) Penyelia yang mempunyai geran penyelidikan tetapi tidak mampu menampung pembiayaan GRA boleh dipertimbangkan untuk menggunakan Modal Insan Berpusat tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa oleh Universiti; dan
- k) Penyelia yang mempunyai *track record* penerbitan yang terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) tetapi tidak mempunyai geran penyelidikan boleh dipertimbangkan untuk menggunakan Modal Insan Berpusat tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa oleh Universiti.

## 2.2 Elaun

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
  - i. Maksimum RM2,600.00 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah; dan
  - ii. Maksimum RM2,200.00 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana.

## 2.3 Prosedur permohonan dan pelanjutan tempoh lantikan

- a) Penyelia/Ketua Projek perlu mengisi permohonan melalui Sistem Permohonan GRA;
- b) Pelajar dikehendaki mengisi maklumat, menghantar permohonan untuk kelulusan Dekan dan menghantar dokumen yang diperlukan kepada CRIM. (Rujuk carta alir permohonan baharu dan pelanjutan tempoh lantikan); dan
- c) Penyelia/Ketua Projek yang memohon untuk melanjutkan tempoh pelantikan GRA dikehendaki membuat permohonan melalui Sistem Permohonan GRA sebelum pelantikan tamat. (Rujuk carta alir permohonan baharu dan pelanjutan tempoh lantikan).

## 2.4 Syarat-syarat pelantikan

- a) Pelantikan GRA adalah maksimum satu (1) semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan;
- b) Tempoh minimum pelantikan adalah tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, pelantikan kurang dari 3 bulan boleh dilakukan sekiranya lantikan menepati syarat-syarat berikut:
  - i. Tarikh tamat lantikan sama dengan tarikh hujung semester (31 Ogos / 28 Februari); atau
  - ii. Tarikh tamat lantikan sama dengan tarikh tamat projek; atau
  - iii. Baki keseluruhan geran / baki Vot 11000 tidak mencukupi untuk lantikan selama 3 bulan.

Tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kemajuan pelajar dan perakuan Penyelia/Ketua Projek;

- c) Bagi pelajar Sarjana yang berada pada Semester 6 dan pelajar Doktor Falsafah yang berada pada Semester 8 boleh dipertimbangkan bagi pelantikan GRA dengan syarat pelajar tersebut telah menghasilkan penerbitan jurnal (WoS/SCOPUS/ERA). Sekiranya pelajar tersebut tidak menghasilkan sebarang penerbitan, pelantikan sebagai GRA boleh dilakukan dengan menggunakan peruntukan Dana Luar tertakluk kepada perakuan Penyelia/Ketua Projek;
- d) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian ijazah lanjutan dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian calon itu. Calon tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjelaskan pelantikannya;
- e) Calon layak dibayar lain-lain elaun yang ditetapkan oleh Universiti jika calon dikehendaki membuat kerja-kerja luar seperti kerja lapangan;
- f) Pemberian skim ini boleh ditamatkan sekiranya prestasi calon tidak menepati tahap yang dikehendaki oleh Penyelia/Ketua Projek;
- g) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- h) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/Ketua Projek/ Penyelia sepanjang tempoh lantikan.

### 3.0 PEMBIAYAAN DANA PENYELIDIKA (DP) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

#### 3.1 Syarat-syarat kelayakan permohonan:

- a) Pelajar siswazah yang berdaftar di UKM secara sepenuh masa dan menjalankan penyelidikan (tesis sahaja);
- b) Pelajar Sarjana yang berada dalam tempoh pengajian tidak melebihi enam (6) semester pengajiannya;
- c) Pelajar Doktor Falsafah yang berada dalam tempoh pengajian tidak melebihi dua belas (12) semester pengajiannya;
- d) Pelajar tidak menerima sebarang bantuan/biasiswa daripada mana-mana penaja (kecuali MyMaster, MyPhd P1 dan PTPTN). Pelajar yang mempunyai tajaan/biasiswa boleh dilantik dengan syarat tidak menerima sebarang elaun bulanan;
- e) Pelajar yang sedang bekerja di mana-mana jabatan/organisasi tidak layak dipertimbangkan;
- f) Pelajar tidak layak menerima sebarang ganjaran/lain-lain bayaran kecuali dibenarkan oleh Universiti;
- g) Penyelia pelajar adalah ahli geran yang membiaya pelantikan; dan
- h) Penyelia mempunyai geran penyelidikan untuk membiaya pelantikan GRA.

#### 3.2 Elaun

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
  - i. maksimum RM2,300.00 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah; dan
  - ii. maksimum RM1,800.00 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana.

**3.3 Prosedur permohonan dan pelanjutan tempoh lantikan:**

- a) Penyelia/Ketua Projek perlu mengisi permohonan pelantikan baharu dalam Sistem Permohonan GRA.
- b) Pelajar dikehendaki mengisi maklumat, menghantar permohonan untuk kelulusan Dekan dan menghantar dokumen yang diperlukan kepada CRIM; dan
- c) Penyelia/Ketua Projek yang memohon untuk melanjutkan tempoh pelantikan GRA dikehendaki mengisi maklumat melalui Sistem Permohonan GRA sebelum pelantikan tamat.

**3.4 Syarat-syarat pelantikan**

- a) Pelantikan GRA adalah maksimum satu (1) semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan;
- b) Tempoh minimum pelantikan adalah 3 bulan. Walau bagaimanapun, pelantikan kurang dari 3 bulan boleh dilakukan sekiranya lantikan menepati syarat-syarat berikut:
  - i. Tarikh tamat lantikan sama dengan tarikh hujung semester (31 Ogos / 28 Februari); atau
  - ii. Tarikh tamat lantikan sama dengan tarikh tamat projek; atau
  - iii. Baki keseluruhan geran / baki Vot 11000 tidak mencukupi untuk lantikan selama 3 bulan.

Tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kemajuan pelajar dan perakuan Penyelia/Ketua Projek;

- c) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian ijazah lanjutan dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian calon itu. Calon tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjelaskan pelantikannya;
- d) Calon layak dibayar lain-lain elaun yang ditetapkan oleh Universiti jika calon dikehendaki membuat kerja-kerja luar seperti kerja lapangan;
- e) Pemberian skim ini boleh ditamatkan sekiranya prestasi calon tidak menepati tahap yang dikehendaki oleh Penyelia/Ketua Projek;

- f) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- g) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/Ketua Projek/Penyelia sepanjang tempoh lantikan.

**4.0 PEMBIAYAAN DANA KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)**

**4.1 Syarat-syarat kelayakan permohonan:**

- a) Pelajar siswazah yang berdaftar di UKM secara sepenuh masa dan menjalankan penyelidikan (tesis sahaja);
- b) Pelajar Sarjana yang berada dalam tempoh pengajian tidak melebihi enam (6) semester pengajiannya;
- c) Pelajar Doktor Falsafah yang berada dalam tempoh pengajian tidak melebihi dua belas (12) semester pengajiannya;
- d) Pelajar tidak menerima sebarang bantuan/biasiswa daripada mana-mana penaja (kecuali MyMaster, MyPhd P1 dan PTPTN). Pelajar yang mempunyai tajaan/biasiswa boleh dilantik dengan syarat tidak menerima sebarang elauan bulanan;
- e) Pelajar yang sedang bekerja di mana-mana jabatan/organisasi tidak layak dipertimbangkan;
- f) Pelajar tidak layak menerima sebarang ganjaran/lain-lain bayaran kecuali dibenarkan oleh Universiti;
- g) Penyelia pelajar adalah ahli geran yang membiaya pelantikan; dan
- h) Penyelia mempunyai geran penyelidikan untuk membiaya pelantikan GRA.

**4.2 Elaun**

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
- i. maksimum RM2,300.00 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah; dan
  - ii. maksimum RM1,800.00 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana.

**4.3 Prosedur permohonan dan pelanjutan tempoh lantikan:**

- a) Penyelia/Ketua Projek perlu mengisi permohonan pelantikan baharu dalam Sistem Permohonan GRA.
- b) Pelajar dikehendaki mengisi maklumat, menghantar permohonan untuk kelulusan Dekan dan menghantar dokumen yang diperlukan kepada CRIM; dan
- c) Penyelia/Ketua Projek yang memohon untuk melanjutkan tempoh pelantikan GRA dikehendaki mengisi maklumat melalui Sistem Permohonan GRA sebelum pelantikan tamat;

**4.4 Syarat-syarat pelantikan**

- a) Pelantikan GRA adalah maksimum satu (1) semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan;
- b) Tempoh minimum pelantikan adalah 3 bulan. Walau bagaimanapun, pelantikan kurang dari 3 bulan boleh dilakukan sekiranya lantikan menepati syarat-syarat berikut:
  - i. Tarikh tamat lantikan sama dengan tarikh hujung semester (31 Ogos / 28 Februari); atau
  - ii. Tarikh tamat lantikan sama dengan tarikh tamat projek; atau
  - iii. Baki keseluruhan geran / baki Vot 11000 tidak mencukupi untuk lantikan selama 3 bulan.

Tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kemajuan pelajar dan perakuan Penyelia/Ketua Projek;

- c) Jumlah lantikan pada satu masa adalah maksimum dua (2) orang sahaja (GRA dan/atau RA) atau tertakluk kepada perjanjian penyelidikan projek;

- d) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian ijazah lanjutan dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian calon itu. Calon tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjelaskan pelantikannya;
- e) Calon layak dibayar lain-lain elaun yang ditetapkan oleh Universiti jika calon dikehendaki membuat kerja-kerja luar seperti kerja lapangan;
- f) Pemberian skim ini boleh ditamatkan sekiranya prestasi calon tidak menepati tahap yang dikehendaki oleh Penyelia/Ketua Projek;
- g) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- h) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/Ketua Projek/ Penyelia sepanjang tempoh lantikan.

## 5.0 PEMBIAYAAN DANA LUAR

### 5.1 Syarat-syarat kelayakan permohonan:

- a) Pelajar siswazah yang berdaftar di UKM secara sepenuh masa dan menjalankan penyelidikan (tesis); kerja kursus; dan tesis; kerja kursus dan disertasi; dan kerja kursus sahaja;
- b) Pelajar Sarjana yang berada dalam tempoh pengajian tidak melebihi enam (6) semester pengajiannya;
- c) Pelajar Doktor Falsafah yang berada dalam tempoh pengajian tidak melebihi dua belas (12) semester pengajiannya;
- d) Pelajar yang tidak menerima sebarang bantuan/biasiswa daripada mana-mana penaja (kecuali MyMaster, MyPhd P1 dan PTPTN). Pelajar yang mempunyai tajaan/biasiswa boleh dilantik dengan syarat tidak menerima sebarang elaun bulanan;
- e) Pelajar yang sedang bekerja di mana-mana jabatan/organisasi tidak layak dipertimbangkan;

- f) Pelajar tidak layak menerima sebarang ganjaran/lain-lain bayaran kecuali dibenarkan oleh Universiti; dan
- g) Penyelia mempunyai geran penyelidikan untuk membiaya pelantikan GRA.

#### 5.2 Elaun

- a) Calon dibayar elaun berdasarkan tahap pengajian iaitu seperti berikut:
  - i. maksimum RM2,600.00 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah;
  - ii. maksimum RM2,200.00 sebulan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana; dan
- b) Calon boleh dibayar elaun melebihi daripada kelayakan di atas sekiranya mendapat persetujuan daripada penyelia dan pemberi dana.

#### 5.3 Prosedur permohonan dan pelanjutan tempoh lantikan:

- a) Penyelia/Ketua Projek perlu mengisi permohonan pelantikan baru dalam Sistem Permohonan GRA.
- b) Pelajar dikehendaki mengisi maklumat, menghantar permohonan untuk kelulusan Dekan dan menghantar dokumen yang diperlukan kepada CRIM; dan
- c) Penyelia/Ketua Projek yang memohon untuk melanjutkan tempoh pelantikan GRA dikehendaki mengisi maklumat melalui Sistem Permohonan GRA sebelum pelantikan tamat;

#### 5.4 Syarat-syarat pelantikan

- a) Pelantikan GRA adalah maksimum satu (1) semester dan pelantikan ini boleh dilanjutkan;
- b) Tempoh minimum pelantikan adalah 3 bulan. Walau bagaimanapun, pelantikan kurang dari 3 bulan boleh dilakukan sekiranya lantikan menepati syarat-syarat berikut:

- i. Tarikh tamat lantikan sama dengan tarikh hujung semester (31 Ogos / 28 Februari); atau
- ii. Tarikh tamat lantikan sama dengan tarikh tamat projek; atau
- iii. Baki keseluruhan geran / baki Vot 11000 tidak mencukupi untuk lantikan selama 3 bulan.

Tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kemajuan pelajar dan perakuan Penyelia/Ketua Projek;

- c) Calon dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian ijazah lanjutan dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian calon itu. Calon tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjelaskan pelantikannya;
- d) Calon layak dibayar lain-lain elaun yang ditetapkan oleh Universiti jika calon dikehendaki membuat kerja-kerja luar seperti kerja lapangan;
- e) Pemberian skim ini boleh ditamatkan sekiranya prestasi calon tidak menepati tahap yang dikehendaki oleh Penyelia/Ketua Projek;
- f) Calon adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti, Syarat-syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- g) Calon adalah bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan/Ketua Program/ Penyelia sepanjang tempoh lantikan.

## 6.0 TARIKH KUAT KUASA

- 6.1** Garis Panduan Skim Pembantu Penyelidik SiswaZah berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2020**.